

<b>Daripada</b>	: Unit Peperiksaan & Penerbitan
<b>Kepada</b>	: Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang
<b>Tarikh</b>	: 10 Julai 2025
<b>No. Memo</b>	: HEA/2025 – 004(11)
<b>Perkara</b>	: Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi II 2024/2025 bagi Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran bertarikh 17 April 2025 yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Shah Alam, dimaklumkan bahawa tarikh Peperiksaan Akhir Julai 2025 mulai dari 21 Julai hingga 10 Ogos 2025.

Sila ambil maklum perkara-perkara berikut:-

**1) Semakan Jadual Peperiksaan Akhir Julai 2025**

- Pelajar boleh membuat semakan jadual peperiksaan menerusi *UiTM Examination Scheduling*. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk ke pautan akses *UiTM Examination Scheduling*.

**2) Dokumen/Peralatan Perlu Dibawa ke Dewan Peperiksaan**

Pelajar perlu membawa dokumen yang dinyatakan di bawah bagi tujuan pengesahan:

- Slip Menduduki Peperiksaan Induk/*Examination Registration Slip* yang boleh dimuat turun dari *i-Student Portal* (Rujuk **Lampiran 2**);
- Kad Prihatin Siswa (KPS) – Pelajar yang kehilangan KPS hendaklah membuat laporan di Pejabat Polis Bantuan dan mendapatkan pengesahan daripada Unit Peperiksaan sebelum dibenarkan memasuki dewan peperiksaan;
- Peralatan Peperiksaan – Pelajar perlu membawa sendiri alat tulis, kalkulator dan sebarang peralatan lain yang berkaitan dengan peperiksaan yang diduduki.

**3) Lokasi Peperiksaan di UiTM Cawangan Pulau Pinang**

➤ **Kampus Permatang Pauh:**

- Dewan Besar
- BKBA 2, Bangunan BKBA

➤ **Kampus Bertam:**

- Dewan Perpustakaan (PTAR)
- Bilik Lepasan Ijazah 1 (Blok Akademik)
- Bilik Kuliah 5 (Blok Akademik)
- Bilik Kuliah 11 (Blok Akademik)
- Pelajar **WAJIB** berada di lokasi peperiksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan dijadualkan bermula.
- Pelajar boleh membuat semakan lokasi peperiksaan dan nombor meja menerusi pautan akses yang telah disediakan. Rujuk **Lampiran 3** untuk ke pautan *google drive* (pautan ini akan aktif bermula pada tarikh 15 Julai 2025).

#### **4) Kehadiran Pelajar**

- Pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk hadir ke peperiksaan akhir.
- Kegagalan hadir tanpa sebab yang munasabah akan menyebabkan pelajar diberikan Status YY, dan status ini akan kekal direkodkan dalam transkrip rasmi pelajar.
- Sekiranya pelajar menghadapi kecemasan seperti kematian ahli keluarga terdekat atau mengalami masalah kesihatan yang menghalang daripada menduduki peperiksaan, pelajar hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada Penasihat Akademik, pensyarah mengajar dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dalam tempoh 24 jam selepas peperiksaan bagi kursus berkenaan tamat. Sijil sakit, salinan sijil kematian, atau dokumen sokongan lain perlu diserahkan kepada pihak BHEA untuk pengesahan.

#### **5) Sahsiah Rupa Diri Pelajar**

- Pelajar adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Sahsiah Rupa Diri (SRD) seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kegagalan mematuhi garis panduan SRD boleh menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan atau dikenakan tindakan tatatertib termasuk denda, berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

#### **6) Telefon Bimbit, Peranti Elektronik dan Jam Pintar (*Smart Watch*)**

- Pelajar dibenarkan untuk membawa telefon bimbit ke dalam dewan peperiksaan namun ianya perlu dimatikan dan diletakkan di atas lantai sepanjang peperiksaan berlangsung. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan pelajar dihadapkan ke Lembaga Tatatertib Akademik.
- Peranti elektronik lain seperti komputer riba, tablet dan jam pintar (*smart watch*) adalah **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan sama sekali.

#### **7) Larangan Meniru dan Membawa Nota**

- Pelajar dilarang meniru dan membawa nota ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya didapati melanggar larangan ini, pelajar boleh dihadapkan ke Lembaga Tatatertib Akademik, dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan tindakan tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

#### **8) Taklimat Peperiksaan Akhir**

- Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Peperiksaan Akhir, pelajar digalakkan untuk menonton video Taklimat Peperiksaan Akhir yang telah disediakan melalui platform rasmi Facebook HEA UiTM Cawangan Pulau Pinang. (Sila rujuk Lampiran 4 untuk pautan dan maklumat lanjut.)


Dimaklumkan bahawa Unit Peperiksaan & Penerbitan akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh peperiksaan akhir bagi memastikan kelancaran pengurusan dan sokongan berkaitan peperiksaan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan lanjut, pelajar boleh menghubungi Unit Peperiksaan & Penerbitan melalui talian 04-382 3193 atau emel rasmi di resexam@uitm.edu.my.

Sekian.

**PROF. MADYA IR. TS. DR. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN**

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

Lampiran	:	1
No. Memo	:	HEA/2025 – 004(11)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2025



Imbas QR Code untuk ke *UiTM Examination Scheduling*  
Pautan : [https://simsweb.uitm.edu.my/SPORTAL\\_APP/exam\\_schedule/index.htm](https://simsweb.uitm.edu.my/SPORTAL_APP/exam_schedule/index.htm)

Lampiran	:	2
No. Memo	:	HEA/2025 - 004(11)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2025

HEA/RA/PP-2000-3

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
ACADEMIC AFFAIRS DIVISION  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
DARUL EHSAN**

**EXAMINATION REGISTRATION SLIP**

Name	:	Campus	:	P4 - UiTM Kampus Permatang Pauh
Student ID	:	Faculty	:	EH - FACULTY OF CHEMICAL ENGINEERING
NRIC / Passport No.	:	Programme	:	EH225 - BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING (ENVIRONMENT) WITH HONOURS
Address		Mode of Study	:	S - Full Time
		Part	:	8
		Semester	:	20232 - Sesi 2 2022/2023
		Examination	:	JUN 2023-
		Date Printed	:	12/07/2023 3:45 PM

NO.	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	GROUP	NOTE
1	CEV652	FINAL YEAR PROJECT II	3.00	PEH2258A1	
2	CEV663	DESIGN PROJECT	4.00	PEH2258A1	
3	CTU554	VALUES AND CIVILIZATION II	2.00	PEH2258A1	
4	ENT600	TECHNOLOGY ENTREPRENEURSHIP	3.00	PEH2258A1	

**INSTRUCTION FOR STUDENTS**

1. Please ensure that all information displayed in this slip is correct.
2. Students are allowed to attend the examinations for only the courses listed in this slip.
3. Students are required to bring this slip into the examination hall/room for inspection by invigilator(s).
4. Students are responsible to check and verify the date and venue of each examination listed.
5. Students are not allowed to brings books, notes, papers, documents, pencil cases or handbags to an examination.
6. Students are strictly not allowed to bring any electronic devices to an examination unless required for the examination.
7. Students are not allowed to enter and sit for examination after 30 minutes of the examination have elapsed.
8. Students are not allowed to COPY and COMMUNICATE during the examination.

-----  
**STUDENT SIGNATURE**

-----  
**DATE**

Lampiran	:	3
No. Memo	:	HEA/2025 – 004(11)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2025

Imbas QR Code untuk ke pautan *google drive*.

**Maklumat pada pautan ini akan aktif bermula pada tarikh 15 Julai 2025.**



**Kampus Permatang Pauh**

Pautan :

[https://drive.google.com/drive/folders/1qqRmMiwZ1EfAOC0G1E\\_4O26N-i2EDq\\_F?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1qqRmMiwZ1EfAOC0G1E_4O26Ni2EDq_F?usp=sharing)



**Kampus Bertam**

Pautan :

<https://drive.google.com/drive/folders/1M23uAlq1P7CEepXHSEmDM27dYZfabIpI?usp=sharing>

Lampiran	:	4
No. Memo	:	HEA/2025 – 004(11)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2025

Imbas QR Code untuk menonton video Taklimat Peperiksaan Akhir.



#### Video Taklimat Peperiksaan Akhir

Pautan : <https://fb.watch/prm0PAuJIC/?mibextid=qC1gEa>